

316 kampung alami masalah air akibat cuaca kering, kemarau

KOTA KINABALU 29 Mac - Sebanyak 316 buah kampung di 19 buah daerah di negeri ini berdepan masalah bekalan air susulan cuaca panas dan kering akibat fenomena El Nino.

Daerah Pitas merupakan antara yang terjejas teruk melibatkan 44 buah kampung, diikuti daerah Tuaran (40 buah kampung), Kota Kinabalu khususnya di Inanam (36 buah kampung), Kota Belud (25 buah kampung) dan Beaufort (23 buah kampung).

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri, Mulliadi Al-Hamdi Ladin berkata, daerah lain yang turut menerima kesan sama adalah di Kuala Penyu, Kudat, Papar, Ranau, Sook, Tawau, Keningau, Penampang, Membakut,

Tambunan, Tenom, Menumbok, Telupid serta Kota Marudu.

"Kira-kira lapan hingga 12 buah lori dilibatkan untuk penghantaran bekalan air bersih membabitkan pelbagai agensi dan jabatan termasuk JPAM dan pejabat-pejabat daerah.

"Ini merupakan kerjasama secara bersepadu untuk memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan kepada penduduk yang terjejas," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau memberitahu, setiap usaha terbabit mendapat kelulu-



MULLIADI AL-HAMDI LADIN

san daripada pihak pejabat daerah dan JPAM bertindak untuk memastikan selain mengesahkan bekalan air bersih tiba kepada penduduk terjejas.

Dalam pada itu ujarnya, sebanyak 21 buah kampung di Kota Belud dan 1 buah kampung di

Pitas dilaporkan mengalami kerosakan atau kemusnahan tanaman.

Menurut beliau, jenis kerosakan tersebut membabitkan tanaman padi dan kebakaran di ladang kelapa sawit serta getah ekoran cuaca panas dan kering.